

**11/05/2014 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Saudara / saudari Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berbahagia Prof Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin  
Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Yang Berusaha Tuan Haji Sulam bin Hamid Pendaftar Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan Anugerah Jasa Bakti

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan Anugerah Jasa Bakti ; dan  
Yang dikasihi Saudara-Saudari , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat kurnia dan keizinan Nya, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2013 dapat diadakan pada pagi ini.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YBhg Prof Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM kerana sudi menjemput saya menyempurnakan majlis pada pagi ini.
  
3. Sebagaimana sedia maklum, majlis ini bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga UTHM atas sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka dalam melaksanakan tugas rasmi, di samping penglibatan aktif dalam kegiatan penyelidikan, penulisan, kemasyarakatan, sukan, sosial dan sebagainya. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pegawai-pegawai yang berjaya memperolehi pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 serta Anugerah Jasa Bakti.

## **TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH**

Para hadirin yang dihormati sekalian

4. Dalam senario perkhidmatan awam masa kini yang sentiasa berubah dengan keperluan untuk memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan yang semakin kompleks, budaya kecemerlangan dan penyampaian perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah merupakan teras kepada kelangsungan perkhidmatan awam. Keupayaan Perkhidmatan Awam memberi nilai tambah yang tinggi ditentukan oleh enam (6) prinsip seperti yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012 iaitu Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (PCI).

Rakyat Malaysia semakin peka, berpendidikan tinggi dan mempunyai ekspektasi yang kian meningkat terhadap sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Selaku penjawat awam, kita tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian.

Kita perlu berhadapan dan menangani perubahan persekitaran dengan sentiasa bersedia dan berfikiran terbuka untuk melakukan anjakan paradigma yang selari dengan perubahan persekitaran yang terus berlaku.

Bagi memastikan peranan pensyarah dan pentadbir Universiti sentiasa relevan terutamanya daripada segi kredibiliti dan integriti, semua warga UTHM perlulah menjiwai budaya berprestasi tinggi dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dari segenap aspek di samping bersedia untuk berhijrah daripada segi pemikiran, sikap dan budaya kerja serta sentiasa responsif seiring dengan arus perdana dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

Majlis Anugerah Kecemerlangan pada pagi ini membuktikan bahawa modal insan berprestasi tinggi sentiasa diberi penekanan oleh pihak pengurusan tertinggi Universiti. Pemberian pengiktirafan dalam bentuk anugerah kecemerlangan ini merupakan satu manifestasi keprihatinan Pengurusan Tertinggi Universiti dan Kerajaan terhadap modal insan berkualiti serta budaya berprestasi tinggi.

## **AMANAT YAB PERDANA MENTERI**

Para hadirin yang dihormati sekalian

5. YAB Perdana Menteri, setiap kali beliau bertemu dengan penjawat awam baik dalam majlis rasmi mahupun tidak rasmi, tidak akan lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat awam di atas sokongan dan kerja keras yang ditunjukkan selama ini dan menyeru agar kita tidak menoleh ke belakang tetapi mesti mengorak langkah ke hadapan sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Sewaktu sambutan Hari Pekerja 1 Mei 2014 anjuran CUEPACS yang diadakan baru-baru ini di Dewan Wawasan, Jitra, YAB Perdana Menteri telah menggariskan lima (5) lagi prinsip yang mesti dihayati dan diamalkan oleh Penjawat Awam iaitu;

Prinsip pertama: **Berilmu**. Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat.

Prinsip kedua: **Kebolehpercayaan**. Ia meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.

Prinsip ketiga: **Budaya Amalan Kerja Terbaik**. Merupakan cerminan kewibawaan penjawat awam.

Prinsip keempat: **Semangat Patriotik**. Kita perlu menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara dan Kerajaan seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip kelima: **Budaya Keberhasilan Yang Berteraskan Outcome**. Ini penting bagi meningkat mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) yang menilai bukan sahaja *output* tetapi impak atau *outcome* kepada kumpulan sasaran.

6. Selaras dengan saranan tersebut, marilah kita sama-sama mengukuhkan ikrar janji taat setia kita dan bergerak ke hadapan sebagai satu pasukan yang bersatu padu dan dinamik dalam melaksanakan segala usaha transformasi negara. Dalam usaha kita ke arah transformasi negara, para hadirin sekalian diingatkan bahawa perkhidmatan awam merupakan komponen penting dan penghubung dalam menterjemahkan visi Kerajaan kepada program-program yang boleh dilaksanakan. Lebih-lebih lagi sebagai pensyarah dan pentadbir universiti yang lebih dekat dengan generasi muda, maksud saya disini iaitu para pelajar UTHM, tuan-tuan dan puan-puan harus memainkan peranan dalam menyampaikan usaha-usaha murni Kerajaan ini.

Ini adalah kerana kumpulan pelajar ini akan memasuki pasaran kerja selepas tiga hingga empat tahun berada di Universiti dan mereka ini yang akan mencorakkan masa depan negara. Negara kita memerlukan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai khususnya para pelajar berlandaskan premis di bawah Gagasan 1Malaysia **"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan."**

## **ILTIZAM KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

Para hadirin yang dihormati sekalian

7. Izinkan saya berkongsi dengan hadirin sekalian harapan saya semenjak menerajui pimpinan perkhidmatan awam sebagai Ketua Setiausaha Negara di mana saya telah memperkenalkan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' berasaskan kepada enam prinsip iaitu :

**Keterbukaan** – bermaksud mengamalkan minda terbuka dan sentiasa mudah untuk didekati oleh pelanggan yang memerlukan khidmat kita;

**Turun Padang** – bermakna sentiasa pasang telinga dan buka mata untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan;

**Musyawaharh (Engagement)** – bermaksud memperhebatkan lagi penglibatan kita dengan pelanggan menerusi *engagement* bertujuan mendapatkan pandangan, maklumbalas dan penglibatan rakyat dalam mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik;

**Insaniah** – bermakna setiap penjawat awam harus menyeimbangkan antara kehidupan rohani dan kesihatan jasmani dalam cara kita bekerja;

**Kerjasama Awam-Swasta dan NGO** – bermakna memperkasakan lagi perkongsian sumber dengan mengadakan kolaborasi dengan mereka dan sentiasa berusaha mencapai permuafakatan; dan

**Kekitaan** – bermaksud meraikan perbezaan sumber dan mengukuh persamaan.

Adalah menjadi harapan saya agar para hadirin sekalian bersedia melakukan perubahan dalam cara kita bekerja, samada berkaitan dengan proses, sistem dan prosedur untuk mendepani kecemerlangan prestasi individu atau pasukan dalam organisasi yang kita naungi baik diperingkat pengurusan mahupun di peringkat pelaksana.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang dihormati sekalian

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, suka saya ingatkan kepada semua warga UTHM, sentiasalah berusaha ke arah merealisasikan matlamat Negara sebagaimana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri. Janganlah kita berasa selesa dengan pencapaian pada hari ini kerana masih terdapat banyak cabaran dan halangan yang perlu ditemphi dalam merealisasikan visi dan misi Universiti seterusnya menjayakan visi dan misi Nasional. Namun begitu, saya percaya dan penuh yakin, dengan semangat, integriti dan komitmen tinggi seluruh warga UTHM, segala halangan dan rintangan mendatang akan dapat di atasi dan mampu menjadikan UTHM antara universiti terbaik menuju ke arah transformasi yang diharapkan oleh Kerajaan.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2013 serta penerima Anugerah Jasa Bakti. Saya berharap agar semua yang diraikan hari

ini terus mengekalkan momentum kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini dan terus mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran Negara serta kesejahteraan rakyat.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.